

27 AUG 1998

Taib-Pembetung

SKIM PENGAWALAN SUNGAI SARAWAK ATASI CABARAN MASA DEPAN: TAIB

KUCHING, 27 Ogos (Bernama) -- Skim pengawalan Sungai Sarawak dilaksanakan bagi mengatasi cabaran pembangunan masa depan berikutan perkembangan pesat penduduk di bandar raya Kuching menjelang tahun 2020, kata Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud hari ini.

Katanya ia bukan sahaja satu usaha untuk membersihkan sungai atau untuk memulihara tebing sungai agar tidak hakis semata-mata.

"Lebih daripada itu ia untuk menampung keperluan bandar raya Kuching yang dijangka menarik 1.5 juta penduduk pada masa itu yang datang dari pelbagai pelusuk negeri ini," kata beliau pada majlis perasmian projek pebetung sungai dan lorong laluan kapal di bawah skim itu berharga RM150 juta oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini.

Katanya pembangunan bandar raya Kuching menuju ke arah konsep bandar raya metropolitan mengandungi pelbagai etnik yang mempunyai keinginan tinggi untuk membangunkan negara dan yakin ia boleh dicapai.

Beliau menjelaskan bahawa Kuching akan berkembang dari empat penjuru yang masing-masingnya mempunyai ciri pembangunan tersendiri.

Katanya sudut pertama ialah dari kawasan Santubong yang mempunyai potensi pelancongan, sementara dari sudut Telaga Air akan muncul satu kawasan pinggir bandar yang menarik lebih banyak penduduk.

Pembangunan di sebelah Bau akan memberi tumpuan kepada pembangunan masyarakat Bidayuh yang memilih pekerjaan moden sementara pembangunan di sebelah Samarahan pula sudah mulai dengan pembinaan jalan raya.

"Ketika kawasan-kawasan ini sedang dimajukan, kawasan di tengah bandar raya Kuching pula tidak begitu teratur kerana terdapat rangkaian sungai yang memberi masalah terhadap usaha pembangunan," katanya.

Skim Kawalan Sungai Sarawak dibangunkan secara berperingkat-peringkat dengan fasa pertama bermula Ogos 1992 mengandungi projek menambak Sungai Bako sementara fasa kedua dan ketiga siap pada November tahun lepas.

Kedua-dua fasa ini mengandungi tambak dan jalan raya di segenting Pending, pebetung dan lorong laluan kapal.

Projek berkenaan juga bertujuan untuk mengurangkan berlakunya banjir kilat, mengelak mendapan berselut mencemarkan pantai Damai di Santubong dan menahan air masin dari laut.

-- BERNAMA

OPP MAM NMO